

NIGHT PATROL

Night Patrol yang telah dimulakan semenjak bulan Ramadhan yang lalu, masih lagi diteruskan cuma tempoh dan masa patrolling telah dipendekkan kepada 10PM-1230AM sahaja.

Berdasarkan kepada persetujuan yang telah dicapai dari mesyuarat kedua ABRA dengan penduduk, majlis telah bersetuju untuk menggunakan khidmat kawalan keselamatan daripada Perusahaan Isham Sdn Bhd, yang juga terlibat secara langsung dengan pihak pemaju SHL. Tujuan Night Patrol ini diteruskan, disamping menjaga ketenteraman Alam Budiman, secara tak langsung mengekalkan hubungan erat dikalangan warga AB.

Jadual NP telah pun kami letakkan didalam Laman Web untuk rujukan Abians semua dan kami juga telah mengedarkan jadual tersebut ke semua peti surat melalui ketua blok yang dilantik. Diharap agar usaha yang tak seberapa ini akan sentiasa mendapat sambutan dari ahli-ahli komuniti semua tanpa jemu atau bosan. Maklumat lanjut tentang NP ini boleh diproleh daripada ketua blok masing-masing yang telah dilantik pada mesyuarat sebelum ini. Kami juga akan sentiasa megemaskini jadual tersebut bersesuaian dengan pertambahan warga komuniti AB.

KAWALAN KESELAMATAN

Bermula daripada 15hb Oktober 2008, AB telah pun menggunakan khidmat kawalan keselamatan (Perusahaan Isham Sdn Bhd) yang mula bertugas pada jam 12.00 tengahmalam sehingga jam 7.00 pagi setiap hari. Seramai 2 orang pengawal keselamatan ditempatkan di setiap kawasan (EMBUN & SENJA) dan ia dikawal selia oleh Mr Dominic (wakil syarikat).

Pengawal keselamatan ini telah diberi taklimat oleh wakil biro keselamatan ABRA tentang laluan rondaan dan perkara-perkara yang perlu dititikberatkan oleh pengawal keselamatan semasa melakukan rondaan. Pengawal2 keselamatan yang diupah telah diberikan 'route' rondaan masing-masing dan mestikan melakukannya secara berjalan kaki dalam jangka waktu yang telah ditetapkan pihak Biro Keselamatan. Route tersebut meliputi kawasan depan dan belakang rumah serta beberapa kawasan kritikal yang terdapat di kedua-dua belah kawasan perumahan yang berpenghuni setakat ini.

Sambutan yang diterima oleh komuniti AB setakat ini amat menggalakkan, memandangkan masing-masing mengetahui tentang situasi sebenar kawasan di sekitar AB yang boleh dikatakan sebagai 'red' area. Butiran bayaran akan di edarkan kepada ahli komuniti sebagai rujukan.

Antara perkara yang telah ditekan oleh pihak pengawal keselamatan melalui buku2 laporan mereka ialah :

- Kebanyakan penduduk tidak menutup tingkap bilik belakang dan juga tingkap tandas
- Pekerja renovation meninggalkan tangga diluar rumah; menyenangkan cubaan-cubaan jahat seperti pecah rumah.
- Pekerja-pekerja renovation bermalam dirumah yang sedang dalam proses pengubahsuaian dengan @ tanpa pengetahuan tuan rumah

Biro Keselamatan ABRA akan sentiasa cuba untuk menambahbaik perkhidmatan kawalan ini dari masa ke semasa . Akan tetapi ini juga bergantung kepada kerjasama ahli komuniti AB dan juga dana yang berjaya dikutip. Kami bersedia untuk menerima kritikan membina demi utk kesejahteraan dan keharmonian AB.

Disediakan oleh ;
Azwan (Ketua Biro Keselamatan)